


PELUANG KERJAJAYA



SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- ✓ Keterampilan yang baik;
- ✓ Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- ✓ Bakat kepimpinan;
- ✓ Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- ✓ Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**



**PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN
GRED U41**

**KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

Kekosongan : 6

Simpanan : 18

1. Syarat Lantikan

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- memiliki ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- (a) Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran;
- (b) Kesihatan Persekitaran; atau
- (c) Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan.

4. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah sarjana muda yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

5. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :

<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-kesihatan-persekitaran>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **1 Disember 2021 (Rabu), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM